

MENYEDIAKAN BAHAN BACAAN ONLINE SEPERTI E-BOOK, E-NEWSPAPER DAN E-MAGAZINE.

- Menyediakan platform bahan bacaan secara digital yang merangkumi bahan bacaan seperti majalah, surat khabar dan bahan bacaan umum.
- Pengguna boleh menggunakan secara percuma setelah mendaftar sebagai ahli perpustakaan Kuala Lumpur.
- Pengguna boleh mengakses aplikasi tersebut menggunakan telefon pintar atau tablet.
- Antara koleksi yang terdapat di dalam aplikasi Buffet @ PKL ialah:
 - Novel
 - Business & Management
 - Religion
 - Education
 - Kids & Teens
 - History



Grid of participant video thumbnails:

- Aimi Munirah
- Saidatul Najwa
- WAN MOHAM...
- [Unlabeled]
- [Unlabeled]
- [Unlabeled]
- Unqiu Aima...
- Sarah Maculun
- Aishah Hasanah
- BIBIZUBAIDAH ...
- 28 others
- [Unlabeled]

Sejak pandemik Covid-19 melanda negara, banyak program yang dijalankan secara dalam talian.

Hidupkan budaya membaca

Gen-LIS tampil membantu masyarakat setempat



NOR ZAINAH ZAHARAH

Membaca adalah salah satu amalan keperluan bagi semua lapisan masyarakat sama ada untuk tujuan pembelajaran atau menambah ilmu.

Begitupun, trend pembacaan hari ini telah mengalami tranformasi yang mana masyarakat mudah untuk mengakses maklumat menggunakan peranti elektronik seperti telefon pintar dan komputer.

Selaras dengan norma baharu, pelaksanaan program melalui platform digital dilihat mampu menjangkau kelompok masyarakat meskipun mereka berada jauh di pedalaman.

Menyadari akan kepentingan membaca dalam kalangan masyarakat hari ini terutama kanak-kanak, menurut Pensyarah Kanan,

Program Pengurusan Perpustakaan, Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Kampus Puncak Perdana, Shah Alam, Nor Zainah Zaharah Mohamad Ariff, pihaknya melalui Persatuan Generation - Library Information Society (Gen-LIS) telah melaksanakan dan merancang pelbagai program yang berkaitan dengan aktiviti membaca.

Tambah beliau, dengan budaya membaca dalam kalangan masyarakat hari ini dilihat masih rendah, mereka kini dalam usaha menyemarakkan kembali aktiviti tersebut bagi memastikan rakyat di negara ini mengamalkan sikap suka membaca.

- "Terkini dengan keahlian seramai 286 pelajar, kami berusaha menghidupkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat terutamanya kanak-kanak.

"Walaupun kami merupakan persatuan di peringkat institusi pengajian tinggi (IPT), kami cuba mengorak langkah merancang dan melaksanakan program membaca yang melibatkan komuniti luar.

"Selalunya program-program yang dianjurkan akan melibatkan kanak-kanak di peringkat sekolah rendah," ujarnya ketika dihubungi baru-baru ini.

Ber cerita lebih lanjut mengenai program tersebut, Nor Zainah yang juga merupakan penasihat Gen-LIS berkata, program kemasyarakatan ini sekali gus melengkapkan keperluan subjek yang ditawarkan dalam program Pengurusan Perpustakaan di bawah mata pelajaran Childrens Librarianship.

Walaupun dunia dilanda pandemik Covid-19 sejak dua tahun lalu, program tersebut tetap

Kajian interim tabiat membaca rakyat Malaysia 2014 oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), bahan bacaan pilihan rakyat Malaysia

1. Majalah - **62.8 peratus**
2. Akhbar - **61.2 peratus**
3. Buku ilmiah - **54.8 peratus**
4. Novel dan fiksiyen - **47 peratus**
5. Bahan dalam talian - **46.4 peratus**
6. Buku bukan fiksiyen - **29.9 peratus**
7. Komik - **25.3 peratus**
8. Jurnal - **19.9 peratus**



diteruskan dan ia dilakukan secara dalam talian.

"Sebagai salah satu keperluan bagi memenuhi mata pelajaran ini, pelajar-pelajar dimestikan menganjurkan sebuah program yang akan dinilai dan diberikan markah.

"Untuk itu, setiap semester pelajar-pelajar ini akan tampil dengan perancangan program yang memuatkan idea-idea kreatif dan aktiviti-aktiviti menarik.

"Jika sebelum ini (pandemik Covid-19) kesemua program akan dilakukan secara bersemuka, bagaimanapun dengan keadaan dan situasi semasa, ia tetap diteruskan tetapi mengikut norma baharu iaitu secara dalam talian dengan menggunakan platform media sosial seperti Facebook, WhatsApp dan juga Google Meet," tuturnya lanjut.

Antara program-program yang pernah dianjurkan Gen-LIS ialah *Bookids: Reading Adventures*, *Children's Online Bookshelf*, *Tale and Time* dan Program Bual Bicara: Peranan Perpustakaan awam dalam meningkatkan minat membaca dalam kalangan kanak-kanak semasa pandemik.

Dalam pada itu, beritahu Nor Zainah, objektif penubuhan Gen-LIS adalah menggalakkan penglibatan para pelajar dalam berpersatuan untuk belajar menguruskan program-program. Selain itu juga dapat memperkasakan integrasi dengan menganjurkan program membaca untuk kanak-kanak bagi memupuk minat membaca dalam kalangan mereka. Tambah beliau, pihaknya kini dalam perancangan untuk menghasilkan modul kemahiran membaca yang boleh digunakan dalam apa juga program

Info

- Statistik peminjaman bahan bacaan secara digital pada 2020 menunjukkan peningkatan lebih dua kali ganda iaitu sebanyak 367,306 peminjaman berbanding 167,374 peminjaman pada 2019.
- Ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada tahun 2020, kempen 'Sila Duduk Di Rumah Dan Baca Buku' telah dianjurkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM)
- Program 'Jom Baca Bersama 10 Minit' anjuran PNM merupakan program tahunan yang diadakan bersempena sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia yang diraikan pada setiap 23 April sebagai simbolik kepada penggalakan budaya membaca sebagai amalan kehidupan harian.

- Sehingga Disember 2020, PNM sudah menjalankan 202 program dan aktiviti berkaitan galakan membaca atau literasi maklumat dengan pembabitn lebih 340 ribu penyertaan secara fizikal dan dalam talian.
- PNM turut bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan (KPM) menerusi Pejabat Pelajaran Daerah yang mana 1,094 Perpustakaan Desa telah digunakan sebagai pusat rujukan dan peminjaman buku secara berkelompok untuk menyokong program Nadi Ilmu Amalan Membaca.
- Turut diadakan Program Literasi Media dan Maklumat iaitu program yang bertujuan meningkatkan kemahiran dan teknik pencarian maklumat berkesan bagi pembelajaran sepanjang hayat.